



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

17 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 23 Syaaban 1441H bersamaan 17 April 2020M, Alhamdulillah, dengan izin dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini. Ini bermakna jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang.
2. Sementara itu, **seramai 4 orang** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 112 orang.
3. Manakala, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah **seramai 23 kes** di mana 2

daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, seramai **76 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,407 orang**.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 263 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,089 ujian.
6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan dengan sukacita memaklumkan bahawa Alhamdulillah, 2 lagi daripada 11 kes yang telah sembuh tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan, telah didapati negatif setelah 3 kali ujian. Mereka akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi, sebagaimana SOP yang ada pada masa

sekarang. Ini bermakna hanya 7 kes saja lagi yang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Syaaban 1441H / 17 April 2020